

Aktiviti kemasyarakatan pesta makan tahun kaum Kedayan di Limbang, Sarawak

Nur Afifah Vanitha Abdullah, Nur Haidatul Atirah Binti Hasnan

Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Nur Afifah Vanitha Abdullah (email: nurafifah@ukm.edu.my)

Received: 13 March 2023; Accepted: 20 October 2023; Published: 30 November 2023

Abstrak

Makan Tahun atau kenduri kesyukuran adalah satu amalan tradisi tahunan kaum Kedayan di Limbang, Sarawak. Warga bukan Kedayan turut terlibat sama dalam penganjurannya walaupun ia adalah satu amalan ritual. Sehubungan itu, makalah ini bertujuan meneliti proses aktiviti Makan Tahun dan penglibatan masyarakat Kedayan dan bukan Kedayan dalam menganjurkan program ini dengan menjayanya. Bagi tujuan tersebut, penganjuran Makan Tahun dari tahun 2015 sehingga tahun 2022 dipilih sebagai kajian kes. Rekabentuk kajian fundamental dirangka dengan mengaplikasi kaedah kualitatif untuk memperolehi data bagi kajian ini. Manakala instrumen kajian ini adalah kaedah perpustakaan, pemerhatian turut serta dan temubual. Informan kajian ini terdiri daripada ahli jawatankuasa tertinggi penganjuran program Makan Tahun dari tahun 2015 dan 2022, seperti ketua-ketua kaum dan ketua-ketua kampung di Limbang. Konsep 'the nest' dalam 'teori persembahan' (2003) Schechner, R. diaplikasi sebagai kerangka analisis bagi mengenalpasti proses dan peranan masyarakat Limbang dalam menganjurkan Pesta Makan Tahun. Dapatan kajian ini adalah, masyarakat Kedayan masih kuat berpegang kepada budaya bermesyuarat, bekerjasama, dan bergotong royong dalam menyempurnakan acara ini. Semua ahli masyarakat terlibat dalam proses pra persembahan, berkumpul, mementaskan dan bersurai. Keempat-empat proses ini juga membuktikan bahawa masyarakat Kedayan masih teguh meneruskan amalan tradisi dari segi ritual dan budaya mereka. Penganjuran Pesta Makan Tahun berskala besar ini adalah satu kaedah bagi mengeratkan hubungan sesama masyarakat Kedayan dan bukan Kedayan. Kaum Kedayan bertindak sebagai tonggak utama penganjuran Makan Tahun, sementara kaum-kaum lain memainkan peranan sampingan bagi menyokong kejayaan acara ini.

Kata kunci: Kedayan, Limbang, Makan Tahun, ritual, Sarawak, the nest

Pesta makan tahun a social activity for the Kedayan ethnic in Limbang, Sarawak

Abstract

Makan Tahun or the thanksgiving feast is an annual tradition among the Kedayan community in Limbang, Sarawak. Although it is a ritual ceremony, non Kedayan community members also participate in this event. Thus, this article aims to examine the Makan Tahun process and participation of the Kedayan and non-Kedayan members in organising the event successfully.

The 2018 till the 2022 Makan Tahun was made the case study of this article. A fundamental research design with qualitative approach was employed to collect data for this research. Meanwhile library research, participatory observation and interview were employed as research instruments. Informants for this study were the members of the main committee of 2018 and 2022, besides community leaders, and village heads in Limbang. “The Nest” concept proposed by Schechner, R., in his “Performance Theory” (2003) was also employed as analysis framework to identify the processes and roles performed by society members of Limbang in realising the Makan Tahun event. The findings in this article are all members of the Limbang society still practice meetings, teamwork and gotong royong in accomplishing the Makan Tahun. All members of society are involved throughout the pre performance, gathering, staging and disburse process. All these process proofs that the Kedayan uphold strongly to their tradition and culture. This event is a social agent to bring together the Kedayan and Non-Kedayan. The Kedayan are heavily involved in the entire Makan Tahun performance process, while the non Kedayan members play supporting roles to ensure the success of this event.

Keywords: Kedayan, Limbang, Makan Tahun, ritual, Sarawak, the nest

Pengenalan

Jumlah populasi di Limbang adalah lebih kurang 93,000 orang. Komposisi populasi Limbang terdiri daripada etnik Melayu, Kedayan, Cina, Iban, Bisaya, Lun Bawang dan beberapa etnik lain (Said, 2009). Masyarakat Kedayan adalah 29 peratus daripada jumlah penduduk di Limbang. Oleh yang demikian bahasa Kedayan adalah antara bahasa komunikasi yang difahami oleh kebanyakan penduduk Limbang (Portal Rasmi Majlis Daerah Limbang, 2022).

Makan Tahun adalah satu acara ritual tahunan khusus bagi kaum Kedayan. Acara ini berkait rapat dengan kepercayaan masyarakat Kedayan dan dilaksanakan sebagai tanda mensyukuri hasil tanaman kaum ini (Salleh, 2015). Selain itu, Makan Tahun juga bertindak sebagai agen pengikat silaturahim sesama masyarakat Kedayan (Awang, 2013). Terdapat dua lokasi yang padat didiami kaum Kedayan di Sarawak, iaitu di Bekenu, Miri dan Limbang. Makalah ini akan memberi tumpuan kepada acara Makan Tahun yang dilaksanakan oleh masyarakat Kedayan di Limbang.

Sejak tahun 2015 acara Makan Tahun di Limbang telah diangkat menjadi pesta keramaian di peringkat negeri oleh kerajaan Negeri Sarawak. Acara ini dianjurkan bersama oleh Majlis Daerah Limbang dengan kerjasama Persatuan Kedayan Limbang. Ia mula dikenali sebagai Pesta Kedayan ataupun Makan Tahun Perdana bermula tahun 2015. Tuan rumah Pesta Makan Tahun ini dipertanggungjawabkan secara bergilir dalam kalangan kampung-kampung Kedayan di Limbang dan dibantu oleh wakil-wakil dari kampung termasuk ahli masyarakat bukan Kedayan. Misalnya pada tahun 2015 acara ini dianjurkan oleh Kampung Limpaki, tahun 2016 oleh Kampung Batu Bakarang, tahun 2017 oleh Kampung Pahlawan, tahun 2018 oleh Kampung Patiambun, tahun 2019 oleh Kampung Bukit Luba, dan pada tahun 2022 pula oleh Kampung Sayung (Mohat, 2023; Bagol, 2022). Pesta ini lazimnya dihadiri oleh lebih dari 1,000 orang tetamu setiap tahun (Bagol, 2022). Sejak tahun 2015 juga, Pesta Makan Tahun mula dijadikan salah satu acara tahunan utama dalam kalendar Limbang dan negeri Sarawak (Mohat, 2022). Sehubungan itu, artikel ini bertujuan meneliti proses Makan Tahun dan peranan masyarakat Kedayan dan bukan Kedayan dalam menjayakan acara ini dari tahun 2015 sehingga tahun 2022. Kerangka kajian yang diaplikasi bagi mencapai tujuan kajian ini adalah konsep the nest yang dikemukakan oleh Schechner (2003).

Kajian literatur

Penulisan lepas tentang Makan Tahun Kedayan di Sarawak telah didokumentasi dari pelbagai skop sebelum ini oleh sarjana tempatan. Penulisan-penulisan lepas tersebut lebih tertumpu kepada acara Makan Tahun kaum Kedayan di Bekenu Miri, Sarawak, berbanding acara Makan Tahun di Limbang Sarawak. Sehubungan itu, bahagian ini akan membincangkan kajian-kajian lepas tersebut mengikut kepentingan skop kajian lepas dengan kajian yang telah dirangka bagi artikel ini.

Abdullah, Idris dan Bahari (2018) telah mendokumentasi tentang subjek Makan Tahun di Bekenu, Miri. Penulisan ini mengaplikasi konsep mod produksi dan the nest sebagai kerangka analisis penulisan ini. Penulisan ini mendapati bahawa Makan Tahun sebagai sebuah persembahan ritual kerana acara ini merangkumi proses pra persembahan, berkumpul, pementasan dan bersurai. Persamaan antara kajian Nur Afifah et al. (2018) dengan makalah ini adalah dari segi subjek kajian dan kerangka analisisnya. Walaupun kedua-dua kajian ini meneliti acara Makan Tahun kaum Kedayan, namun lokasi kajiannya berbeza. Lokasi kajian lepas adalah di Bekenu, Miri, manakala lokasi kajian bagi artikel ini adalah Limbang, Sarawak.

Maulana (2011) dalam artikelnya yang berjudul Ritual Makan Tahun: Tradisi Masyarakat Kedayan, Sarawak, memberi tumpuan kepada ritual Makan Tahun dalam konteks adat tradisi. Skop artikel adalah pelaksanaan ritual Makan Tahun di Kampung Selangau, Bekenu, Sarawak. Artikel ini memperjelaskan aktiviti hari-hari sebelum dan semasa melaksanakan tradisi Makan Tahun. Persamaan kajian lepas ini dengan makalah ini adalah dari aspek subjek kajian, namun lokasi kajian berbeza, iaitu di Bekenu dan Limbang.

Artikel Maulana dan Yatim (2013) pula, mengupas simbol dalam upacara Makan Tahun. Penulisan ini mengaplikasi pendekatan simbolisme untuk meneliti acara Makan Tahun di Bekenu. Penulisan ini mengesahkan bahawa Makan Tahun adalah simbol kebersamaan kaum Kedayan. Walaupun terdapat persamaan dari segi subjek kajian, namun kerangka kajian adalah berbeza.

Awang Pawi (2013) dalam memerihalkan kepercayaan tradisi pelbagai etnik di Sarawak, turut membincangkan amalan tradisi masyarakat Kedayan. Artikel ini tidak bersandarkan kepada kerangka analisis yang jelas dan memberi gambaran umum tentang amalan Makan Tahun kaum Kedayan sebelum kedatangan Islam. Penulisan ini memperjelaskan pengaruh Islam dalam ritual Makan Tahun dan berfungsi sebagai identiti budaya serta agen penyatuan masyarakat Kedayan. Walaupun terdapat persamaan dari segi subjek kajian, namun lokasi kajian Awang Pawi (2013) dengan makalah ini adalah berbeza.

Seterusnya penulisan bertajuk Dinamika Hijrah Masyarakat Kedayan oleh Ayza dan Hakim (2017) mengupas mengenai asal-usul dan sejarah penghijrahan kaum Kedayan di Sarawak. Kajian ini menghuraikan pengaruh agama Islam dan adaptasi adat masyarakat Kedayan sesuai dengan tuntutan Islam. Penulisan ini turut menjelaskan adat menuai padi dan sambutan Makan Tahun. Dapatan kajian ini menyimpulkan bahawa penghijrahan kaum Kedayan memberi kesan terhadap pembentukan ciri, watak dan identiti masyarakat Kedayan pada hari ini. Penulisan Ayza dan Hakim (2017) menyediakan kefahaman terhadap asal usul kaum Kedayan dan sambutan tradisi Makan Tahun kaum ini. Penulisan lepas ini turut menyediakan data tentang budaya material kaum Kedayan semasa acara Makan Tahun. Sehubungan itu, artikel Ayza dan Hakim (2017) tertumpu kepada asal usul dan budaya material Makan Tahun kaum Kedayan, manakala artikel ini pula mengupaskan proses-proses Makan Tahun, Kedayan di Limbang, Sarawak dalam konteks persembahan.

Metodologi

Terdapat jurang ilmu yang sangat ketara tentang acara Makan Tahun Kedayan, khususnya di Limbang. Hal ini menjadi penentu kepada rekabentuk kajian yang dirangka bagi menjawab persoalan kajian ini. Sehubungan itu sebuah kajian fundamental dirangka. Kaedah perpustakaan, pemerhatian turut serta dan temubual telah dipilih bagi memperolehi data. Antara bahan yang diteliti untuk memperolehi data melalui kajian perpustakaan adalah buku-buku ilmiah, artikel jurnal, buku program acara makan tahun dan bahan-bahan berbentuk digital seperti bahan dari laman sosial pertubuhan masyarakat Kedayan Limbang dan Pejabat Wali Kota Limbang.

Kaedah pemerhatian turut serta juga dilaksanakan semasa penganjuran acara Makan Tahun 2022 untuk memperolehi data dan dokumentasi visual. Pemerhatian ini bermula dari hari penyediaan tapak dan pentas Makan Tahun sehingga selesai acara gotong royong membersihkan tapak oleh penduduk Kampung Sayung. Pemerhatian turut serta ini bertujuan mengesahkan data bagi proses penganjuran Makan Tahun tahun-tahun sebelumnya.

Temu bual turut dilaksanakan dengan AJK penganjur dan individu yang terlibat secara langsung dalam aktiviti pesta Makan Tahun. Para informan adalah dari Kampung Patiambun, Kampung Pahlawan, Kampung Limpaki yang terlibat dalam pesta ini sejak tahun 2015 sehingga tahun 2022. Antara informan kajian ini adalah Ketua-ketua Kaum seperti Sahat Bagol, Yaman Mumin dan Ahli Persatuan Kedayan Limbang seperti Naim Ahmad, Abu Bakar Tinggal dan Madon Puasa dan pegawai pejabat Wali Kota Limbang iaitu Sufian Mohat. Temu bual bersama ahli masyarakat yang terlibat langsung dalam aktiviti gotong royong acara ini adalah seperti Abd Rahman Puasa, Hasnan Abdul Rahman, Siti Saleha Tarsad, Siti Nurahmah dan Rabiatul Adawiyah Abdullah. Kajian ini banyak memperolehi data daripada sumber asas kerana masih belum terdapat penulisan khusus tentang Makan Tahun di Limbang, berbanding Makan Tahun di Bekenu, Sarawak.

Kajian ini telah mengaplikasi konsep *the nest* dalam teori persembahan yang dikemukakan oleh Schechner (2003). Konsep ini diaplikasi untuk menghuraikan acara Makan Tahun dalam konteks penganjuran sebuah persembahan. Menurut Schechner (2003) aktiviti persembahan tidak terhad kepada acara di ruang pementasan bagi tujuan hiburan semata-mata (Salleh & Abdullah, 2021). Schenhner (2003) berpendapat bahawa mana-mana aktiviti harian yang memiliki aspek seperti pelaku, pemerhati, ruang khusus, masa yang ditetapkan untuk berkumpul, melakukan aktiviti dan seterusnya bersurai dapat dianggap sebagai persembahan. Secara umumnya setiap aktiviti persembahan dapat diteliti secara terperinci melalui tiga proses utama iaitu, proses berkumpul, proses pementasan dan proses bersurai. Namun begitu, Abdullah (2011) menambah satu lagi proses iaitu pra persembahan bagi meneliti aspek perancangan dan pengurusan sebelum acara sebenar dilaksanakan. Sehubungan itu acara Makan Tahun ini telah diteliti bersandarkan proses-proses dalam konsep *the nest* dan proses pra persembahan (Abdullah, 2011) bagi menghuraikan peranan Masyarakat Kedayan dan bukan Kedayan dalam menjayakan ritual ini.

Dapatan kajian

Kajian yang dilaksanakan mendapati acara Makan Tahun terdiri daripada empat proses iaitu pra persembahan, berkumpul, pementasan dan bersurai. Pemerincian setiap proses 'persembahan' Makan Tahun memperjelaskan peranan masyarakat Kedayan dan bukan Kedayan dalam merancang, menyelaras dan menyempurnakan acara ritual tahunan ini di Limbang, Sarawak.

Proses pra persembahan

Proses pra persembahan merupakan aktiviti paling awal yang dilakukan sebelum acara persembahan Makan Tahun sebenar bermula pada hari yang ditetapkan. Proses ini melibatkan aktiviti seperti mesyuarat perancangan pesta Makan Tahun, aktiviti mengumpul dana, aktiviti menyediakan tapak dan ruang, aktiviti publisiti dan aktiviti menyiapkan jamuan Makan Tahun. Kesemua aktiviti dalam pra persembahan bermula pada bulan Mei atau lebih kurang tiga bulan sebelum majlis Makan Tahun dilaksanakan. Aktiviti-aktiviti dalam proses pra persembahan ini tertumpu kepada persiapan awal sebelum proses berkumpul acara Makan Tahun bermula.

a. Aktiviti mesyuarat perancangan pesta Makan Tahun

Aktiviti pertama dalam proses pra persembahan adalah beberapa mesyuarat perancangan dan pelaksanaan Makan Tahun. Mesyuarat-mesyuarat ini bertujuan mencapai kata sepakat dalam kalangan Persatuan Kedayan Limbang, Majlis Daerah Limbang dan kampung penganjur acara bagi tahun berkenaan. Kelancaran majlis ini sangat penting kerana ia mencerminkan semangat kerjasama dan keutuhan masyarakat Lawas dalam menjayakan sebuah program di peringkat negeri. Rajah 1 menggambarkan suasana mesyuarat yang pertama dilaksanakan bagi menetapkan tarikh dan meneliti kesesuaian lokasi penganjuran majlis. Tarikh majlis harus sesuai dengan kelapangan tetamu kehormat iaitu Primeir Sarawak. Lokasi yang dipilih juga harus sesuai bagi menampung jumlah tetamu yang ramai, iaitu kira-kira 1,000 orang (Bagol, 2022).

Mesyuarat seterusnya diadakan di peringkat kampung bagi sesi pemilihan ahli jawatankuasa. Mesyuarat pertama ini penting kerana selain pemilihan Ahli Jawatankuasa, butiran penganjuran majlis Makan Tahun akan dimaklumkan kepada masyarakat kampung. Lazimnya pemilihan ahli jawatankuasa kampung adalah dalam kalangan AJK kampung, manakala AJK Kecil pula dipilih berdasarkan kemampuan seseorang melaksanakan tugas dan pengalaman lepas individu berkenaan (Tinggal, 2022).



Sumber: Bagol, 2022

Rajah 1. Mesyuarat AJK Tertinggi pesta Makan Tahun, Kedayan tahun 2017

Selepas mesyuarat di peringkat AJK Tertinggi, beberapa siri mesyuarat dilaksanakan di peringkat kampung penganjur. Lazimnya Pengerusi Persatuan Kedayan, Limbang iaitu Sahat Bin Bagol akan bertindak selaku pemantau mesyuarat. Antara tujuan mesyuarat-mesyuarat ini adalah bagi memaklumkan butiran penganjuran Pesta Makan Tahun; penetapan jumlah kutipan sumbangan; pengagihan tugas; keperluan persiapan acara; perkembangan persiapan; dan persiapan akhir menuju acara Makan Tahun tersebut (Mumin, 2022; Bagol, 2022).

b. Aktiviti mengumpul sumbangan

Aktiviti mengumpul sumbangan dalam kalangan penduduk kampung adalah yang pertama dijalankan sebaik sahaja tarikh Makan Tahun diumumkan. Pemakluman berkenaan pengumpulan sumbangan adalah melalui kumpulan “*whatsapp*” yang disertai penduduk kampung (Puasa, 2022). Sumbangan disalurkan dalam dua bentuk, iaitu wang atau/dan barangan. Pada tahun 2018, penduduk Kampung Patiambun telah bersepakat menyumbangkan sebanyak RM35.00 setiap keluarga. Ini bertujuan menambah dana jamuan semasa Pesta Makan Tahun. Sumbangan tunai ini disalurkan kepada Bendahari Kampung iaitu Encik Imran bin Jam-Jam (Naim, 2022). Anggaran jumlah yang berjaya dikumpulkan adalah sebanyak RM7,875 merangkumi seramai 225 keluarga yang menetap di kampung Patiambun. Kutipan daripada penduduk kampung digunakan untuk membeli dan mengorbankan seekor kerbau. Menurut ketua kampung Naim (2022), kutipan tersebut juga turut digunakan menambah perbelanjaan jamuan yang disediakan oleh kerajaan negeri.

Selain wang, penduduk kampung juga turut menyumbang bahan mentah atau makanan bagi jamuan. Antara kuih muih tradisional yang disumbangkan beberapa hari sebelum pesta adalah kelupis, penyaram, bungkol dan pulut kuning bagi menjamu tenaga kerja di lokasi. Sumbangan ikhlas ini melambangkan kesatuan bangsa Kedayan yang suka berbahagi rezeki sesama masyarakat mereka. Sumbangan ini akan diletakkan di dewan kampung ataupun di pondok kerja (Siti, 2022).

c. Aktiviti penyediaan tapak dan ruang pentas

Tapak penganjuran pesta dan ruang pentas akan didirikan bersama oleh penduduk kampung secara gotong royong. Rajah 2 memaparkan susun atur tapak pesta Makan Tahun 2018, di Kampung Patiambun. Lazimnya lokasi yang luas seperti padang, gelanggang serbaguna kampung, atau dewan kampung akan dipilih untuk menampung jumlah tetamu hampir seribu orang. Bagi kampung seperti Kampung Patiambun, Kampung Limpaki dan Kampung Sayung yang tidak mempunyai padang, tapak penganjuran Makan Tahun diadakan di dalam dewan, atau pondok sementara akan didirikan di atas gelanggang serbaguna (Bagol, 2022).

Pada tahun 2022, Pesta Makan Tahun diadakan di gelanggang serbaguna Kampung Sayung. Dua minggu sebelum Makan Tahun berlangsung Datuk Dr. Abdul Rahman bin Ismail Dun N79 Bukit Kota telah turut serta meninjau lokasi penganjuran pesta (Mumin, 2022). Menurut ketua kampung Sayung, tujuan tinjauan diadakan adalah bagi melihat kesesuaian kawasan dan menghulurkan bantuan dana sekiranya terdapat beberapa perkara yang perlu dibaiki dari segi kemudahan dan infrastruktur kawasan penganjur.



Sumber: Laman Facebook Persatuan Kedayan, Limbang

Rajah 2. Kedudukan pondok di atas gelanggang serbaguna Makan Tahun 2018

Selain itu, untuk kerja-kerja gotong-royong ataupun “*berusah*” akan dilaksanakan bagi mendirikan khemah atau pondok khas di belakang atau sisi dewan kampung. Ruang gotong royong ini digunakan untuk tujuan menyediakan makanan. Penduduk akan turut membina kerusi dan meja menggunakan kayu (Mumin, 2022). Selain ruang masak, penduduk kampung turut bekerjasama mencari buluh dan membina pondok seperti dalam Rajah 3. Pondok ini digelar *ta’atak* atau *junjung* dalam bahasa Kedayan. Pada asalnya *ta’atak* ini bertujuan untuk menunggu pipit dan menjaga padi (Bagol, 2022). Bagi Makan Tahun, *ta’atak* merupakan binaan khusus yang digunakan bagi upacara jamuan Makan Tahun. Selain itu, *ta’atak* ini juga digunakan sebagai tempat berehat, menjamu makanan serta bermukun. Ini merupakan simbolik kepada kehidupan masyarakat Kedayan dahulu yang mengamalkan kegiatan menanam padi sebagai sumber ekonomi (Puasa, 2022). *Ta’atak* yang paling luas dan besar merupakan *ta’atak* utama bagi menempatkan tetamu kehormat serta ketua-ketua kampung yang menghadiri pesta Makan Tahun (Puasa, 2022).



Sumber: Laman Facebook Persatuan Kedayan, Limbang

Rajah 3. Pondok atau *ta’atak*

Bahan utama bagi pembinaan *ta’atak* atau *junjung* adalah buluh, daun kelapa, daun rumbia dan papan lapis. Bahagian lantai diperbuat daripada buluh, dan dialas dengan tikar mengkuang, manakala dindingnya pula diperbuat daripada anyaman daun kelapa. *Ta’atak* ini mampu memuatkan lebih kurang 20 orang tetamu dan satu-satu masa. Bahagian atap *ta’atak* dibina daripada daun pokok nipah dan daun mengkuang. Tulang atap diperbuat daripada rautan pokok buluh ataupun kayu kecil. Daun rumbia akan direndam terlebih dahulu agar lebih berdaya tahan. Selepas dikeringkan daunnya perlu dilipat sekata supaya rapi dan tersusun. Daun rumbia akan dianyam bagi menghasilkan bentuk sayap dan dijahit sepanjang tulang atap tersebut. Rotan ataupun kulit pokok akan digunakan bagi menjahit daun rumbia bagi menggekalkan bentuk sayap yang kukuh. Ukuran panjang setiap atap nipah biasanya kira-kira 1.5 ke 1.8 meter. Tangga *ta’atak* pula terdiri daripada tiga atau empat anak tangga, dan diikat menggunakan tali rautan buluh (Puasa, 2022). Lazimnya ahli masyarakat penganjur bergotong-royong dan berkampung beberapa hari di tapak pesta bagi menyiapkan pembinaan pondok. Ini melambangkan semangat bangsa Kedayan Bersatu padu menjayakan pesta Makan Tahun (Bagol, 2022).

d. Aktiviti membuat publisiti

Publisiti merupakan salah satu aktiviti persediaan yang penting untuk dilaksanakan oleh Jawatankuasa Induk Makan Tahun (Abdullah, 2011). Proses publisiti amat penting agar acara tersebut mendapat sambutan yang baik daripada penduduk Limbang. Pesta Makan Tahun

dipromosikan menerusi beberapa medium seperti radio, televisyen dan media sosial. Promosi radio lazimnya dilakukan melalui saluran tempatan Limbang FM, Radio Televisyen Malaysia. Rancangan radio gelombang 104.9 pada jam 10.00 pagi, bertajuk *Limbang Kitani* digunakan untuk menyampaikan informasi kepada masyarakat lokal. Dua AJK Tertinggi Makan Tahun iaitu, Suffian Mohat selaku Naib Pengerusi Persatuan Kedayan, Limbang dan Rosmainy sebagai ketua unit persembahan Makan Tahun hadir sebagai tetamu rancangan radio tersebut (Bagol, 2022).

Bahagian Promosi AJK Makan Tahun berperanan menyampaikan informasi tentang aktiviti-aktiviti, tempat dan masa berkumpul bagi acara tersebut. Maklumat dan perincian acara ini juga turut disebarikan menerusi media sosial seperti *Facebook* dan *Instagram*. Poster turut diguna dan diedarkan sekitar bulan Jun dan Julai bagi menyebarkan maklumat tentang acara Makan Tahun. Poster lazimnya dipaparkan di tempat-tempat awam seperti pasar, masjid dan bangunan agensi kerajaan dengan harapan penganjuran Makan Tahun diketahui dan dikunjungi orang ramai (Mohat, 2023). Rajah 4 adalah poster Makan Tahun 2017 yang bertujuan menghebahkan butiran pesta tersebut.



Sumber: Laman Facebook Persatuan Kedayan, Limbang

Rajah 4. Publisiti Makan Tahun, 2017

e. Aktiviti persiapan jamuan makanan

Aktiviti menyediakan juadah adalah acara kemuncak dalam proses pra persembahan (Abdullah, 2016). Aktiviti menyediakan jamuan lazimnya mengambil masa dua atau tiga hari sebelum acara utama Makan Tahun berlangsung. Penduduk kampung akan berkumpul di dewan kampung atau kawasan khas yang ditetapkan bagi kerja-kerja penyediaan juadah makan tahun seperti dalam Rajah 5 berikut (Bagol, 2022). Makanan yang disediakan antaranya ialah kelupis, wajid, penyaram dan pulut kuning. Kesemua makan tradisi ini merupakan makanan yang berasaskan padi dan pulut baharu, hasil tuaian musim tersebut. Mengikut amalan tradisi, ahli masyarakat Kedayan akan menyumbang hasil padi mereka bagi penyediaan juadah-juadah ini. Golongan lelaki akan melakukan kerja-kerja berat seperti mencari kayu api, mencari umbut, membuat santan dan mencari daun nyirik. Daun nyirik merupakan daun yang digunakan bagi membungkus *kelupis* dan *wajid*. Golongan wanita pula akan melakukan kerja memasak dan pembungkusan *kelupis* (Siti, 2022).



Sumber: Laman Facebook Persatuan Kedayan, Limbang

Rajah 5. Proses membungkus kelupis dengan daun nyirik

Proses berkumpul

Bagi proses berkumpul dalam Pesta Makan Tahun, melibatkan para penganjur dan tetamu “Makan Tahun” berdasarkan masa dan lokasi yang telah ditetapkan. Ini merupakan proses pertama yang berlaku pada hari acara “Makan Tahun” berlangsung (Abdullah, 2016). Bagi memastikan kelancaran proses ini, pihak penganjur perlu peka dan teliti menjalankan amanat sebagai tuan rumah pada hari yang ditetapkan. Pihak penganjur perlu menjadi pihak yang paling awal sampai di dewan kampung, iaitu sekitar jam 5.00 pagi (Siti, 2022).

Masyarakat Kedayan akan datang ke lokasi Makan Tahun seawal jam 9 hingga 10 pagi. Kaum Kedayan akan mengenakan busana tradisi bangsa Kedayan seperti dalam Rajah 6. Makan Tahun adalah antara hari kebesaran kaum Kedayan bagi mengenakan busana tradisional yang lengkap. Pakaian tradisi ini akan dikenakan sehingga majlis selesai.



Sumber: Siti, 2023

Rajah 6. Busana Tradisi Kedayan

Rajah 6 memaparkan busana tradisi lelaki dan wanita, kaum Kedayan. Pakaian orang kebanyakan berwarna hitam dan merah, serta ber lengan panjang. Baju ini dihiasi dengan butang berwarna emas dan loceng-loceng kecil di bahagian lengan baju. Antara aksesori bagi kaum wanita adalah gelang tembaga, rantai tembaga dan tali pinggang tembaga (Siti, 2023). Sementara pakaian kaum lelaki dilengkapi dengan topi yang diperbuat daripada kain batik

atau kain berwarna hitam, tudung merah pula dikenakan oleh kaum wanita bagi melengkapkan pakaian tradisi mereka. Warna kuning akan ditambah pada pakaian individu yang berkedudukan tinggi dalam hirarki sosial masyarakat Kedayan seperti yang dipaparkan dalam Rajah 7. Warna kuning juga dihadirkan pada topi yang dipakai oleh pemimpin tempatan khususnya penghulu-penghulu (Puasa, 2022). Rajah 7 turut memaparkan Ketua Menteri Sarawak 2018 iaitu Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg dan isteri iaitu Datin Patinggi Dato Juma'ani Tuanku Bujang yang mengenakan busana tradisi bangsawan Kedayan.

Terdapat warna pakaian yang khas bagi para tetamu jemputan yang bukan keturunan Kedayan dan yang tidak memiliki pakaian Kedayan yang lengkap. Tetamu bagi kategori ini lazimnya mengenakan pakaian rasmi masing-masing, pakaian berwarna hitam dengan seledang merah atau hiasan merah di kepala, atau memakai T-shirt rasmi pesta Makan Tahun Kedayan yang disediakan oleh pihak penganjur (Bagol, 2022). Pemakaian warna hitam dan merah oleh para penganjur dan tetamu acara ini adalah simbol semangat bersatu padu dalam majlis Makan Tahun.

a. Ketibaan tetamu

Ketibaan tetamu dapat dipecahkan kepada tiga yakni ketibaan tenaga kerja, ketibaan tetamu biasa dan ketibaan tetamu kehormat. Semasa hari kemuncak Makan Tahun, penduduk kampung akan tiba di lokasi Makan Tahun seawal jam 5.00 pagi. Tetamu pula akan mula tiba sekitar jam 7.00 pagi manakala tetamu dan jemputan kehormat akan tiba sekitar jam 10.00 hingga 11.00 pagi (Tinggal, 2022). Penduduk kampung, selaku tuan rumah perlu memastikan semua persediaan telah lengkap untuk menyambut tetamu dan jemputan kehormat.

Persiapan pada pagi hari kemuncak ini dapat dibahagikan kepada dua peranan iaitu lelaki dan perempuan. Kaum lelaki akan memeriksa segala keperluan bagi upacara bacaan doa Makan Tahun dari segi persiapan tempat dan tenikal berada dalam keadaan yang bersedia dan baik. Kaum wanita pula akan bekerjasama menyediakan juadah jamuan di bahagian pondok. Persiapan akhir ini mengambil masa dua hingga ke tiga jam dan selesai sebelum jam 9:30 pagi bagi memulakan ritual bacaan doa (Puasa, 2022). Gambar berikut memaparkan persiapan akhir dengan membawa makanan ke khemah tetamu biasa.

Para tetamu kehormat akan sampai sebelum jam 10:00 pagi. Kehadiran mereka akan disambut oleh ahli jawatankuasa tertinggi penganjuran Pesta Makan Tahun. Tetamu kehormat juga akan diiringi oleh Juara Kepala Kaapo dan Juara Kepala Bangis sehingga ke tempat duduk mereka yakni Ta'atak khas khusus buat tetamu jemputan. Mereka akan menyertai ritual bacaan doa Makan Tahun. Pada masa yang sama, pengunjung bebas itu datang ke kawasan makan tahun walaupun mereka tidak terlibat acara ritual (Bagol, 2022).

Ketibaan tetamu juga akan disambut dengan paluan kompang, silat dan persembahan Hadrah oleh anak muda bangsa Kedayan yang berusia di antara 12 hingga 17 tahun. Sambutan penuh tradisi masyarakat kampung terhadap tetamu melambangkan sikap keterbukaan dan keramahan bangsa Kedayan. Oleh itu, proses sambutan adalah penting agar tetamu dapat merasakan kemesraan dan kemeriah acara Makan Tahun tersebut (Bagol, 2022).

Acara kemuncak Makan Tahun akan bermula setelah tetamu kehormat dan para tetamu mengambil tempat duduk yang telah ditetapkan. Kedudukan para tetamu semasa acara Makan Tahun dikhususkan mengikut hirarki sosial. Tetamu kehormat akan ditempatkan di pondok khas berhadapan dengan pentas utama, Sementara itu, ketua-ketua kampung, ketua kaum, pegawai kerajaan dan ahli jawatankuasa tertinggi Makan Tahun akan ditempatkan di satu pondok khas lain. Setiap wakil kampung berhampiran pula akan ditempatkan di pondok-pondok yang berhampiran dengan pondok khas. Setiap pondok dapat menempatkan di antara 10 hingga 15 orang. Orang ramai atau tetamu yang lain akan ditempatkan dalam khemah jamuan ataupun dewan kampung (Puasa, 2022).

Proses pementasan

Dalam persembahan Makan Tahun, proses pementasan merupakan proses yang paling dinantikan oleh semua masyarakat yang berkumpul dalam acara tersebut. Proses pementasan akan dimulakan dengan bacaan doa sebaik sahaja tetamu kehormat duduk di pondok (Abdullah, 2011). Melibatkan aktiviti bacaan doa, jamuan kesyukuran dan aktiviti kebudayaan.

a. Bacaan doa

Proses pementasan bagi Pesta Makan Tahun ialah bacaan doa dan tahlil. Bacaan doa akan dipimpin oleh seorang ustaz yang telah dilantik oleh pihak penganjur. Individu yang dilantik ini perlukan mempunyai kepakaran dalam bidang agama dan tidak semestinya merupakan penduduk asal kampung yang menjadi tuan rumah. Antara ciri individu yang dilantik bagi memimpin bacaan doa ialah mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang agama, bacaan Al-Quran hendaklah jelas dan baik (Puasa, 2022). Pada tahun 2017, Imam 1 Masjid Al Muhtadi Kampung Pahlawan dilantik memimpin bacaan doa Makan Tahun.

Penghormatan terhadap upacara ritual bacaan doa ini amat tinggi kerana semasa bacaan doa berlangsung semua tetamu akan berdiam diri bagi mendengarkan bacaan doa semata-mata. Aktiviti-aktiviti seperti paluan muzik tradisi Kedayan dan persembahan selingan juga tidak dibenarkan demi menjaga kesucian upacara bacaan doa ini. Pantang larang ini perlu dipatuhi agar penduduk kampung mendapat keberkatan menerusi Makan Tahun yang dianjurkan (Bagol, 2022).

b. Jamuan Makan Tahun

Setelah selesai upacara bacaan doa, maka jamuan Makan Tahun akan bermula. Jamuan seperti nasi, daging masak hitam, ayam kari dan sayur-sayuran akan dihidangkan sebagai menu jamuan kepada tetamu. Rajah 7 menunjukkan jamuan untuk tetamu kehormat yang disediakan di khemas khas. Selain tetamu kehormat, jamuan ini akan dihadiri oleh ketua jawatankuasa Makan Tahun, Pengerusi dan naib pengerusi persatuan Kedayan Limbang serta beberapa orang penghulu (Bagol, 2022).



Sumber: Laman Facebook Persatuan Kedayan, Limbang

Rajah 7. Jamuan Makan Tahun tetamu kehormat 2018

Acara persembahan kesenian akan dipersembahkan setelah selesai bacaan doa dan semasa jamuan makan utama. Acara kesenian lazimnya mempersembahkan kesenian Masyarakat Kedayan seperti *Bermukun* (Mohat, 2023). Antara peralatan muzik tradisional yang digunakan semasa acara persembahan ini adalah seperti gendang, kompang, gambus,

rebana dan sompoton. Pemain muzik juga menggunakan gitar elektrik bagi merancakkan lagi muzik seperti yang digambarkan dalam Rajah 8.



Sumber: Laman Facebook Persatuan Kedayan, Limbang

Rajah 8. Persembahan muzik tradisi kaum Kedayan

Proses bersurai

Bersurai adalah proses terakhir dalam sebuah persembahan acara selepas selesai acara pementasan atau yang utama. Bagi pesta Makan Tahun Kedayan terdapat tiga aktiviti dalam proses bersurai. Aktiviti tersebut adalah sesi penghargaan dan ucapan terima kasih penganjur kepada semua tetamu yang hadir pada hari tersebut, aktiviti jamuan kepada ahli jawatankuasa dan aktiviti gotong-royong membersihkan lokasi acara makan tahun.

a. Aktiviti sesi penghargaan

Aktiviti ini melibatkan majlis penutupan dan ucapan daripada ketua ahli jawatankuasa Makan Tahun. Acara ini akan berlangsung sekitar jam 8:00 hingga 10:00 malam di tapak pesta Makan Tahun ataupun di dewan kampung. Ucapan akan disampaikan oleh Pengerusi Persatuan Kedayan, Limbang iaitu Sahat bin Bagol dan ketua ahli jawatankuasa atau ketua kampung yang menjadi tuan rumah Makan Tahun bagi tahun tersebut. Lazimnya Pengerusi Persatuan Kedayan, akan merakamkan penghargaan kepada pihak penganjur dan tuan rumah yang telah menjayakan Makan Tahun. Sesi ucapan ini turut bertujuan memberi penghargaan kepada semua ahli Masyarakat kampung dan pihak luar yang terlibat dalam menjayakan Pesta Makan Tahun. Pihak penganjur juga akan menyediakan cenderamata kepada tetamu kehormat dan semua agensi yang menyalurkan sumbangan dalam menjayakan penganjuran acara Makan Tahun.

Pada penghujung aktiviti ini cabutan undi bagi menentukan kampung penganjur pesta Makan Tahun untuk tahun seterusnya akan dilakukan (Mohat, 2023). Cabutan undi ini akan dilakukan oleh Pengerusi Persatuan Kedayan, Limbang. Ketua Kampung yang bakal bertindak sebagai tuan rumah pesta Makan Tahun akan memberi sedikit ucapan balas sebagai tanda menerima tanggungjawab berkenaan.

b. Aktiviti jamuan penghargaan

Sebelum Pesta Makan Tahun ditangguhkan sepenuhnya. Jamuan penghargaan akan diadakan bermula jam 9 malam setelah sesi ucapan selesai. Jamuan penghargaan ini menyajikan makanan tradisional kaum Kedayan yang telah disediakan secara gotong royong oleh kaum wanita kampung penganjur. Jamuan penghargaan ini lazimnya akan dilaksanakan di pondok

makan tahun ataupun di dewan kampung. Hidangan semasa jamuan ini adalah seperti nasi dan pelbagai jenis lauk-pauk. Peruntukkan untuk jamuan ini dibiayai oleh Jawatankuasa tertinggi Makan Tahun sebagai tanda penghargaan kepada seluruh warga kerja yang telah menjayakan acara Makan Tahun, terutamanya ahli Masyarakat kampung penganjur (Bagol, 2022).

c. Aktiviti gotong-royong membersihkan tapak

Aktiviti gotong-royong membersihkan dan mengemas semula tapak pesta adalah acara terakhir dalam proses bersurai. Sebelum ahli jawatankuasa bersurai, mereka akan bekerjasama mengemas semula tapak agar kembali seperti keadaan asal. Proses ini lazimnya dilakukan pada malam hari selepas majlis penghargaan Manakala kerja-kerja yang berat seperti membuka khemah, membersihkan lokasi memasak, mengalihkan pondok, membuka pentas utama dan membuka semua banner promosi yang dipasang di lokasi penganjuran akan disambung pada keesokan hari pula (Puasa, 2022).

Acara mengemas lokasi akan dibahagikan mengikut jantina dan peringkat umur. Golongan lelaki dewasa dipertanggungjawab untuk melakukan kerja-kerja seperti membersihkan kawasan tapak makan tahun. Sementara itu, golongan lelaki remaja dan belia, bertugas melakukan kerja-kerja berat seperti membuka khemah, mengalihkan pondok keluar dari gelanggang serbaguna dan membuka segala bahan promosi yang digantung di tapak Makan Tahun. Segala peralatan seperti meja dan kerusi akan disimpan semula ke dalam dewan kampung (Puasa, 2022). Golongan wanita pula akan menguruskan pembersihan di lokasi penyediaan jamuan. Mereka bertanggungjawab mengagihkan lauk pauk yang berlebihan sesama ahli jawatankuasa Makan Tahun. Seterusnya, mereka juga akan membersihkan perkakas yang digunakan untuk memasak dan menyimpan semula peralatan memasak di stor surau kampung. Ketua ahli jawatankuasa perlu memastikan bahawa tapak yang digunakan semasa pesta Makan Tahun ini kembali semula seperti keadaan asal. Hal ini perlu dipastikan kerana lokasi pesta Makan Tahun lazimnya digunakan untuk kegiatan beriadah masyarakat kampung (Siti, 2022).

Pondok-pondok sementara yang dibina untuk perayaan Pesta Makan Tahun akan turut dijual oleh penganjur. Ia bertujuan mengosongkan tapak penganjuran dan menambah tabungan persatuan kampung. Jika tiada pihak yang berminat membeli pondok tersebut, binaan itu akan diletakkan di mana-mana lokasi yang bersesuaian di kampung penganjur. Jika terdapat pihak yang berminat membeli pondok ini, maka ia akan dijual pada harga sekitar RM3,000 hingga RM5000 bergantung kepada saiz dan bahan yang digunakan. Wang jualan pondok akan disalurkan ke tabung kegiatan kampung penganjur acara Makan Tahun berkenaan. Pada tahun 2018, sebanyak tiga pondok Makan Tahun berjaya dijual. Pondok-pondok ini dibeli oleh ahli masyarakat Kampung Patiambun sendiri (Naim, 2022).

Kesimpulan

Penelitian terhadap ritual Makan Tahun Kedayan di Limbang, Sarawak bersandarkan konsep *the nest* dalam teori persembahan Schechner, R. telah membantu dalam membuktikan bahawa acara ini terdiri daripada pelbagai aktiviti kemasyarakatan sepanjang proses merancang dan melaksanakannya. Penelitian terhadap keempat-empat proses pra persembahan, proses berkumpul, proses pementasan dan proses bersurai, membuktikan bahawa masyarakat Kedayan masih kuat mengamalkan budaya bermesyuarat, bekerjasama, dan bergotong royong dalam menyempurnakan acara ini. Pada masa yang sama penelitian ini juga mengesahkan bahawa masyarakat Kedayan sangat bangga dalam meneruskan dan mengamalkan tradisi mereka. Selain mengekalkan aspek ritual, masyarakat ini meneruskan amalan budaya mereka

dari segi makanan dan pakaian semasa penganjuran acara ini. Acara Makan Tahun juga menjadi salah satu kaedah bagi masyarakat Kedayan mengekalkan dan meneruskan khazanah budaya mereka pada masa akan datang. Sementara itu, apabila Pesta Makan Tahun diangkat ke peringkat negeri dan melibatkan ahli masyarakat bukan Kedayan, program ini menjadi satu kaedah untuk mengeratkan hubungan masyarakat setempat yang pelbagai etnik. Dalam penganjuran Pesta Makan Tahun di peringkat negeri, kaum Kedayan bertindak sebagai tonggak utama dalam penganjurannya, manakala kaum-kaum lain pula memainkan peranan sampingan bagi menyokong kejayaan acara ini.

Rujukan

- Abdullah, N. A. (2011). *Persembahan Bangsawan Di Sarawak*. Kota Samarahan, Universiti Malaysia Sarawak Publisher.
- Abdullah, N. A., Idris, Z. & Bahari, S. (2018). Persembahan ritual Makan Tahun masyarakat Kedayan. Dalam Nur Afifah & Y. Yusmiyati, *Etos dan ekspresi budaya Melayu* (ms. 55-71). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah, N.A. (2021). Gong dalam kehidupan golongan aristokrat Sebuy, Kenyah di Sarawak. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 17(2), 286-297.
- Abdullah, R. A. (2022). Pesta Kedayan Limbang. *Temu bual*. 20 Oktober.
- Abdul Rahman, H. (2022). Gotong-royong kaum Kedayan semasa Pesta Makan Tahun. *Temu bual*. 19 Oktober.
- Aiza, R. & Hakim, M. (2017). Dinamika hijrah masyarakat Kedayan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Special Issue*, 4(2017), 44-56.
- Awang Pawi, A. A. (2013). Weltanschauung dan manifestasi kepercayaan tradisi etnik di Sarawak. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 6(2), 139-154.
- Bagol, S. (2022). Asal Usul Kedayan di Limbang dan Adat Makan Tahun Kedayan di Limbang. *Temu bual*. 24 September.
- Laman Facebook Persatuan Kedayan, Limbang. (2022). Foto pesta Makan Tahun https://m.facebook.com/p_ersatuankedayanlimbang/
- Maulana, M. (2011). Ritual Makan Tahun Tradisi Masyarakat Kedayan, Sarawak. *Jurnal Manusia dan Masyarakat*, 20, 19-47.
- Maulana, M. (2012). *Ritual 'Makan Tahun' Masyarakat Kedayan di Kampung Selanyau, Daerah Kecil Bekenu, Sarawak* [Unpublished Master dissertation, Universiti Putra Malaysia].
- Maulana, M. & Yatim, O. (2012). Simbol dalam Makan Tahun masyarakat Kedayan, Sarawak. *Jurnal Melayu*. 9(2012), 259-287.
- Mohat, S. (2023). Makan Tahun Kedayan di Limbang. *Temu bual*. 15 Januari.
- Mumin, Y. (2022). Kaum Kedayan dan Upacara Makan Tahun. *Temu bual*. 29 Ogos.
- Naim@Ahmad. (2022). Makan Tahun Kampung Patiambun 2018. *Temu Bual*. 20 September.
- Portal Rasmi Majlis Daerah Limbang, (2022). Data Jumlah penduduk daerah dan populasi etnik Kedayan di Limbang, Sarawak. Retrieved from <https://limbangdc.sarawak.gov.my/web/home/index/>
- Puasa, A. R. (2022). Proses Persiapan Makan Tahun Kedayan di Limbang. *Temu Bual*. 1 Oktober.
- Puasa, M. (2022). Makan Tahun dan Aktiviti Kesenian Kedayan. *Temu Bual*. 26 Disember.
- Radio Televisyen Malaysia. (2018). Bingkisan Makan Tahun Perdana: Temu ramah Sulaiman Adi. *Selamat Pagi Malaysia*. Limbang, Sarawak.
- Said, S. (2009). *Dahulu Terasing Kini Terjalin Bahagian Limbang*. Pejabat Residen Bahagian Limbang. Limbang, Sarawak.

- Salleh, M. S. (2015). *Stratifikasi sosial dan identiti dalam kalangan komuniti Kedayan di Sarawak* [Unpublished PHD dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Salleh, M.S. & Abdullah, N.A. (2021). Amalan Angkikiat masyarakat Murut Paluan di Sabah. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 18(2), 75-89.
- Schechner, R. (2003). *Performance theory*. Routledge.
- Schechner, R. (2013). *Performance studies: An introduction*. Routledge.
- Siti, N. (2023). Busana Tradisi Kaum Kedayan. *Temu bual*. 3 Januari.
- Siti, S. (2022). Kuih Muih Tradisi Kaum Kedayan dan Jamuan Pesta Makan Tahun. *Temu bual*. 19 Disember.
- Tinggal, A.B. (2023). Makan Tahun Kedayan di Limbang. *Temu bual*. 8 Januari.